

Faks : 237605

Tel : 251216

Bil : KEW(S) 300-7/1/1 Klt.16(88)  
01 November, 2001

Tarikh :



KEMENTERIAN KEWANGAN  
Wisma Kewangan  
88593 Kota Kinabalu  
Sabah, Malaysia

Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Setiausaha Tetap Kementerian

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Pegawai Daerah

Semua Ketua Badan Berkanun Negeri

**SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI BIL. 7/2001  
MEMBELI BESI BURUK LAMA YANG TIDAK BOLEH DIGUNAKAN DAN  
TIDAK DIPERLUKAN BAGI TEMPOH SATU [1] TAHUN DARIPADA SEMUA  
KEMENTERIAN, JABATAN DAN BADAN BERKANUN NEGERI SABAH BAGI  
TAHUN 2001/2002**

**1. PERIHAL**

- 1.1 Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan Negeri Sabah telah mengadakan satu [1] kontrak pemungutan dan penjualan besi buruk yang tidak digunakan lagi milik Kerajaan Negeri yang berada di bawah jagaan semua Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun Negeri Sabah.

**2. NO. KONTRAK**

- 2.1 KEW. 6/2001

**3. BUTIR-BUTIR PELANTIKAN KONTRAKTOR DAN KAWASAN-KAWASAN PEMUNGUTAN/PEMBELIAN**

- 3.1 Setiap kontraktor yang dilantik diberi kuasa untuk memungut dan membeli besi buruk yang tidak boleh digunakan dan tidak diperlukan lagi mengikut kawasan yang telah ditetapkan seperti berikut:

KEW(S) 300-7/1/1 Klt.16(88)  
01 November, 2001

### 3.1.1 Bahagian Pantai Barat Selatan

- a) Meliputi kawasan : Kota Kinabalu, Tuaran, Putatan, Penampang, Papar dan W.P. Labuan.
- Kontraktor : **Bond Profile Sdn. Bhd**,  
d/a. Tingkat 1,  
Bangunan USIA,  
Jalan Hasbollah,  
Peti Surat 34,  
89157, Kota Belud.  
Tel: 088-975184,  
016-6912295.

### 3.1.2 Bahagian Pantai Barat Utara

- a) Meliputi kawasan : Kudat, Kota Marudu, Matunggong, Banggi, Pitas dan Kota Belud.
- Kontraktor : **Syarikat Hidayah**,  
Peti Surat No. 12291,  
88825, Kota Kinabalu.  
Tel: 019-8702012.

### 3.1.3 Bahagian Pedalaman

- a) Meliputi kawasan : Beaufort, Sipitang, Kuala Penyu, Membakut, Menumbok, Tenom, Keningau, Ranau, Tambunan, Sook, Nabawan/Pensiangan dan Kemabong.
- Kontraktor : **Yayasan Pembangunan Ekonomi GAANA Mualaf Sabah**,  
Lot. 13, tingkat 2,  
Bandar Penampang Baru,  
Kota Kinabalu.  
Tel: 088-760458.

KEW(S) 300-7/1/1 Klt.16(88)  
01 November, 2001

### 3.1.4 Bahagian Sandakan

a) Meliputi kawasan : Sandakan, Telupid,  
Kinabatangan, Paitan,  
Beluran dan Tongod.

Kontraktor : **Syarikat S.D.A Enterprise,**  
Bangunan SDRC,  
Tingkat 2, No.3,  
Peti Surat 772,  
90008, Sandakan.  
Tel: 089-211596,  
089-211597.

### 3.1.5 Bahagian Tawau

a) Meliputi kawasan : Tawau, Lahad Datu,  
Semporna dan Kunak.

Kontraktor : **March Parade Sdn. Bhd,**  
Lot.3, Blok Q,  
1<sup>st</sup> Floor, Tarnan Che Mei  
Shoplot,  
88300 Kota Kinabalu.  
Tel: 088-233714,  
088-233717

## 4. TEMPOH KONTRAK

4.1 Tempoh kontrak ini adalah untuk satu [1] tahun bermula daripada **01 November, 2001** sehingga **31 Oktober, 2002**.

## 5. TAKRIF BESI BURUK

5.1 Takrif besi buruk mengikut kontrak ini adalah seperti berikut:

(v)

- 5.1.1 Kenderaan dan loji yang disahkan **Tidak Ekonomi Dibaiki [TEB]**. Ianya juga mesti disahkan tidak mempunyai nilai jualan dalam bentuk asal [Pengesahan dibuat oleh pegawai yang berkelayakan atau mempunyai kuasa sewajarnya] dan Kad Pendaftaran JPJ tidak dapat dikesar. [pengesahan boleh dibuat oleh jabatan pemilik setelah usaha sewajarnya untuk mencari atau mengganti kad berkenaan tidak berjaya];
- 5.1.2 Kenderaan dan loji yang memang pada asalnya tidak mempunyai atau tidak diperlukan berdaftar dengan JPJ dan disahkan **Tidak Ekonomi Dibaiki [TEB]** atau tidak mempunyai nilai jualan dalam bentuk asal [pengesahan dibuat oleh pegawai yang berkelayakan atau mempunyai kuasa sewajarnya];
- 5.1.3 Semua alat ganti yang disahkan tidak boleh digunakan lagi dan tidak mempunyai nilai jualan dalam bentuk asal;
- 5.1.4 Semua barang-barang kelengkapan dan lain-lain harta benda Kerajaan berdasarkan besi yang disahkan tidak boleh digunakan lagi dan tidak mempunyai nilai jualan dalam bentuk asal; dan
- 5.1.5 Lain-lain besi yang disyorkan oleh Lembaga Pemeriksa sebagai besi buruk dan diluluskan oleh Kementerian Kewangan untuk dilupuskan.

## 6. **TEMPOH PEMUNGUTAN**

- 6.1 Kontraktor adalah dikehendaki memungut sendiri besi buruk daripada semua Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun Negeri bagi kawasan dimana ia dilantik setiap tiga [3] bulan sekali. Ketua-Ketua Jabatan dinasihatkan supaya memberitahu kontraktor jumlah besi buruk dimaksudkan yang ada dalam simpanan dan lokasinya bagi memudahkan pihak kontraktor memungutnya.

## 7. **SYARAT-SYARAT KHAS**

- 7.1 Adalah menjadi tanggungjawab kontraktor untuk mematuhi perkara-perkara berikut:

- 7.1.1 Memastikan semua besi buruk di pungut habis tanpa meninggalkan baki.
- 7.1.2 Kos pengangkutan dan pemindahan besi buruk adalah tanggungjawab kontraktor sendiri.
- 7.1.3 Pihak kontraktor bertanggungjawab membaik pulih sebarang kerosakan harta awam termasuk membersihkan kawasan yang terlibat akibat daripada pemungutan besi buruk ini.
- 7.1.4 Tempoh pemungutan tiga [3] minggu daripada tarikh surat pemberitahuan oleh Jabatan Pelaksana.
- 7.1.5 Pihak kontraktor dikehendaki membuat pembayaran kepada Kerajaan terlebih dahulu sebelum memungut dan mengalihkan besi buruk berkenaan.
- 7.2 Semua Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun Negeri dikehendaki memohon Pelantikan Lembaga Pemeriksa [BOS] daripada Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan atau Presiden Majlis Perbandaran atau Pegawai Daerah yang mana berkenaan untuk melindungi kepentingan Kerajaan.
- 7.3 Bagi Badan-Badan Berkanun Negeri Pelantikan Lembaga Pemeriksa khusus untuk harta Kerajaan Negeri yang dipinjamkan kepada Badan-Badan Berkanun berkenaan.

## 8. **HARGA BESI BURUK**

- 8.1 Harga penjualan besi buruk ialah RM80.00 satu [1] tan matrik.

## 9. **HASIL KERAJAAN**

- 9.1 Hasil jualan hendaklah dikreditkan ke kod hasil di bawah tajuk pecahan S00 0108 0006 (Jualan Harta Kerajaan dan Barang-Barang).
- 9.2 Menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk mengemukakan satu laporan lengkap hasil jualan ke Kementerian Kewangan [Bahagian Perolehan dan Harta Awam] dengan menggunakan borang **LAMPIRAN A** tiga [3] minggu daripada transaksi selesai.

KEW(S) 300-7/1/1 Klt.16(88)  
01 November, 2001

**10. PENGGUNAAN KONTRAK**


- 10.1 Semua Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun Negeri Sabah hendaklah menggunakan kontrak ini sahaja dan penjualan di luar kontrak ini adalah dilarang. Sebarang penyelewengan dalam kontrak ini yang mengakibatkan kerugian hasil Kerajaan tertakluk kepada tindakan yang sewajarnya.

**11. HAL-HAL LAIN**

- 11.1 Jika ada apa-apa masalah pelaksanaan kontrak ini, sila hubungi Bahagian Perolehan dan Harta Awam, Kementerian Kewangan, di talian: 088-251216.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH'**



[DATUK HAJI S. ABDILLAH S. HASSAN, J.P]  
Setiausaha Tetap,  
Kementerian Kewangan Negeri.

**Lampiran A**

PENYATA PUNGUTAN BELIAN BESI BURUK BAGI BULAN.....200.....

NAMA KEMENTERIAN/JABATAN/BADAN BERKANUN	TARIKH PUNGUTAN/BELIAN	MODEL/JENIS	KUANTITI BESI BURUK YANG DIPUNGUT	NILAI [RM]
<b>JUMLAH BESAR</b>				

Adalah disahkan bahawa jumlah pungutan dan pembelian besi buruk di bawah kontrak ini bagi bulan.....200..... adalah seperti di atas.

Tarikh:.....

.....  
Tandatangan Ketua Jabatan/  
Cop Jabatan

103